

NILAI-NILAI MURNI DALAM CERITA LEGENDA DI LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN

VALUES IN LEGENDARY STORY COLLECTED AT LEMBANGAN SUNGAI PENGKALAN DATU, KELANTAN

Mohd Firdaus Che Yaacob

Faculty of Creative Technology and Heritage, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan, MALAYSIA

Email: firdaus.cy@umk.edu.my

Published online: 27 April 2022

To cite this article: Mohd Firdaus Che Yaacob. 2022. Nilai-nilai murni dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. *Kajian Malaysia* 40(1): 215–237. <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.10>

To link to this article: <https://doi.org/10.21315/km2022.40.1.10>

ABSTRACT

Legendary stories are historical tales about figures and places among the local community in the past. This study was conducted because the average society today is not aware of the existence of legendary stories which are rich in values and become a symbol of historical splendour among the community in Kelantan. Society also considers legendary stories as mere entertainment, untrue, imaginary and fantasy. This study aims to identify and analyse the values in legendary stories in the Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. This study is qualitative in nature, involving library methods, interviews and study analysis. In addition, the spiritual concepts approach contained in the National Education Philosophy is used as a deductive study to ensure a more robust analysis of the study. The findings of this study can be proven through the discovery of legendary stories that are rich in positive values such as kind-heartedness, humility, respect and love among humankind, all of which can be used as a guide for life among the local community. Thus, these positive values can be internalised as practices and lessons to form a civilised society.

Keywords: folklore, legend, positive values, Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan

ABSTRAK

Cerita legenda adalah bersifat dongeng sejarah yang menyentuh tentang tokoh dan tempat dalam kalangan masyarakat setempat pada masa lampau. Kajian ini dijalankan kerana rata-rata masyarakat pada hari ini tidak menyedari kewujudan cerita legenda yang kaya dengan nilai-nilai murni dan menjadi lambang keagungan sejarah dalam kalangan masyarakat di Kelantan dan mereka turut menganggap cerita legenda bersifat hiburan semata-mata, tidak benar, khayalan dan fantasi. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Kajian ini bersifat kualitatif melibatkan kaedah kepustakaan, lapangan berbentuk temu bual dan analisis kajian. Di samping itu, konsep rohani yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dijadikan sebagai deduktif kajian untuk memastikan analisis kajian lebih mantap. Dapatan kajian ini dapat dibuktikan melalui penemuan cerita legenda yang kaya dengan nilai-nilai murni seperti baik hati, hemah tinggi, hormat-menghormati dan kasih sayang yang boleh dijadikan sebagai panduan hidup dalam kalangan masyarakat tempatan. Justeru, nilai-nilai murni ini dapat dijadikan sebagai amalan dan pengajaran untuk membentuk masyarakat yang bertamadun.

Kata kunci: cerita rakyat, legenda, nilai-nilai murni, Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan

PENGENALAN

Cerita rakyat merupakan warisan tradisi yang dipanjangkan kepada generasi kemudian dan masih popular serta diminati oleh masyarakat Melayu hingga kini. Secara umumnya, cerita rakyat merupakan sebuah kisah atau sebuah peristiwa yang mempunyai watak dan aksi. Mohd Firdaus (2018) menegaskan bahawa cerita rakyat menjadi milik sebuah masyarakat khususnya masyarakat Melayu dan merupakan hasil pengucapan masyarakat pada ketika dahulu. Tradisi dan warisan pengucapan ini dipanjangkan dari satu generasi ke generasi seterusnya berasaskan kepada elemen yang terdapat di dalamnya. Sehubungan itu, cerita rakyat turut menggambarkan fenomena kehidupan, pandangan dunia dan budaya masyarakat tradisi. Bahkan, cerita rakyat berperanan sebagai wadah untuk menceritakan tentang kebudayaan Melayu yang selama ini mencerminkan perilaku positif masyarakat Melayu. Rentetan itu, cerita legenda dikenali sebagai dogongan sejarah. Hal ini disebabkan cerita legenda selalunya berkisar tentang seseorang tokoh yang terkenal pada sesuatu tempat. Masyarakat percaya bahawa

tokoh tersebut pernah hidup dan wujud dalam sejarah. Kebenaran sejarah cuba dibuktikan dengan mengaitkan beberapa kesan di tempat tersebut yang menarik dan memang wujud hingga masa sekarang. Tokoh legenda merupakan seorang pahlawan yang tidak ada tolok bandingnya dan menjadi kebanggaan masyarakat setempat. Tokoh ini amat istimewa, mempunyai kelebihan yang tinggi dan bersifat kudus serta suci. Halimah (1989) berpendapat bahawa legenda digambarkan sebagai “sejarah” secara kolektif. Namun begitu, sejarah yang diceritakan dalam legenda telah ditokok tambah dengan ciri-ciri luar biasa melalui sistem secara lisan, yang dipertuturkan oleh generasi ke generasi sehingga berbeza dengan versi sejarah yang sebenarnya.

Nilai murni merupakan suatu aktiviti atau tingkah laku yang bersifat positif dan dapat memberikan manfaat terhadap seseorang. Nilai murni bukan sahaja terdapat dalam tingkah laku sesebuah masyarakat, ia juga terdapat dalam peristiwa yang penting. Melalui peristiwa tersebut, masyarakat pada hari ini menjadikannya sebagai sebuah cerita rakyat untuk dijadikan sebuah panduan sekali gus menjadikan peristiwa tersebut sebagai alat penyampaian nilai murni kepada golongan generasi muda pada hari ini. Cerita rakyat merupakan sastera milik masyarakat yang mempunyai keunikan tersendiri dan banyak menekankan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan pedoman kepada masyarakat Melayu dalam menjalani sesebuah kehidupan. Rentetan itu, nilai-nilai murni yang diserapkan oleh medium kepada pembaca melalui penyampaian cerita rakyat akan dapat menyemai rasa kemanusiaan, kehalusan jiwa, berbudaya, bernilai murni, beragama, berperadaban dan bertamadun tinggi (Wan 2000). Selain itu, segala perlakuan, tindakan dan pembinaan tradisi budaya amat bergantung kepada aspek nilai dan kebudayaan. Oleh itu, nilai dan kebudayaan sebagai unsur abstrak dalam budaya memainkan peranan penting untuk memastikan perlakuan anggota masyarakatnya (Mohd Firdaus dan Normaliza 2013).

Rentetan daripada kenyataan di atas, cerita rakyat boleh dijadikan sebagai pengajaran serta medium penting dalam membentuk jati diri dalam sesebuah masyarakat. Lantaran itu, masyarakat Melayu umumnya akan menjadikan nilai-nilai murni sebagai landasan penting untuk mereka mengamalkan perlakuan-perlakuan yang baik dalam kehidupan mereka. Nilai-nilai murni ini juga dapat membentuk moral positif serta memberi impak yang tinggi terhadap perubahan diri seseorang individu. Setelah berbicara tentang naratif lisan, maka kajian ini akan mengetengahkan nilai-nilai murni sebagai tunjang kepada proses pembentukan tamadun. Hal ini jelas membuktikan bahawa cerita rakyat sememangnya mengandungi nilai-nilai murni yang dapat dijadikan sebagai medium pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat. Memandangkan cerita rakyat amat akrab

dengan masyarakat, maka kajian ini dijalankan untuk mengumpul dan menganalisis cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan yang memuatkan nilai-nilai murni.

SOROTAN KAJIAN CERITA RAKYAT

Menerusi pengamatan awal, pengkaji mendapati bahawa terdapat sejumlah kajian terhadap cerita rakyat di negara ini. Kajian-kajian ini telah menyentuh aspek intrinsik dan ekstrinsik yang mana rata-rata pengkaji memperjuangkan hujah masing-masing. Antaranya Mohd Fahmi, Salmah dan Mohd Sharifudin (2015) yang membincangkan nilai jati diri yang terkandung dalam cerita rakyat dengan menggunakan teori ekologi budaya atau adaptasi alam. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai jati diri masyarakat Melayu yang terkandung di dalam cerita rakyat. Seterusnya, reka bentuk kualitatif merujuk kepada kaedah kepustakaan dan teks digunakan sebagai kaedah kajian. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat kaya dengan pembinaan jati diri seperti hemah tinggi, keberanian, kasih sayang, kerajinan, kerjasama dan sikap rasional yang dapat membentuk semangat jati diri yang unggul dalam kalangan masyarakat Melayu pada hari ini.

Seterusnya, Siti Zuhaidah dan Nik Rafidah (2016) membincangkan tentang betapa pentingnya cerita rakyat yang memainkan peranan sebagai perantara ekspresi budaya dalam kalangan masyarakat dengan mengenal pasti dan menganalisis kesinambungan unsur budaya yang masih wujud dalam kalangan masyarakat Melayu melalui cerita rakyat untuk kanak-kanak. Sehubungan itu, daripada penelitian kajian yang telah dijalankan ini terdapat tiga unsur budaya dominan yang masih diamalkan dalam kalangan masyarakat Melayu, iaitu kepercayaan, perubahan dan budaya ekspresif. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa unsur budaya yang terkandung dalam cerita rakyat terhadap kanak-kanak merupakan suatu medium yang dapat mendidik dan membentuk moral positif kanak-kanak sekali gus menjadikan unsur budaya sebagai kesinambungan warisan budaya masyarakat Melayu di Pantai Timur.

Selain itu, kajian Normaliza, Nik Rafidah dan Awang Azman (2017) membincangkan tentang kepentingan nilai dan kebudayaan yang terkandung dalam cerita rakyat melalui perisian e-Cerita Rakyat kepada kanak-kanak sekolah rendah. Ia turut mengenal pasti dan membincangkan nilai yang terkandung dalam lirik lagu melalui cerita rakyat. Nilai yang diperoleh melalui lirik lagu tersebut telah diaplikasi dengan menggunakan teori pengkaedahan Melayu oleh Hashim

Awang. Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa kanak-kanak lebih gemar membaca cerita rakyat melalui lirik-lirik lagu yang mempunyai lirik dan melodi yang menarik.

Kajian oleh Wan Muhammad Aiman (2018) turut memperluaskan kajian terhadap aspek pemikiran dalam cerita rakyat. Kajian ini membincangkan tentang pemikiran masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita rakyat iaitu mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan cerminan pemikiran masyarakat Melayu yang terpilih dalam teks *Himpunan 366 Cerita Rakyat di Malaysia*. Seterusnya, kajian ini menggunakan kaedah pendekatan kualitatif dan menjadikan teori pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian yang menerapkan pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan dakwah sebagai hujah untuk memantapkan analisis perbincangan. Dapatan kajian ini jelas menunjukkan bahawa cerita rakyat sememangnya kaya dengan ciri-ciri pemikiran masyarakat Melayu yang positif serta wajar diamalkan dalam kalangan masyarakat untuk membentuk moral positif.

Sebagai kesimpulannya, pengkaji dapat membuktikan bahawa kajian terhadap aspek nilai jati diri, budaya dan pemikiran telah dijalankan oleh para pengkaji di Malaysia, namun aspek nilai-nilai murni dalam cerita legenda masih belum dikaji secara menyeluruh.

PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan kepada sorotan kajian lepas, pengkajian cerita rakyat didapati berfokuskan kepada nilai jati diri, nilai, kebudayaan dan pemikiran dalam cerita rakyat Melayu sebagaimana yang diperjuangkan oleh Mohd Fahmi, Salmah dan Mohd Sharifudin (2015), Siti Zuhaidah dan Nik Rafidah (2016), Normaliza, Nik Rafidah dan Awang Azman (2017) serta Wan Muhammad Aiman (2018). Sehubungan dengan itu, kajian ini membuktikan bahawa kajian terhadap nilai-nilai murni yang terkandung di dalam cerita rakyat di Malaysia, khususnya di Kelantan belum mendapat perhatian yang sewajarnya. Oleh itu, kajian terhadap cerita rakyat, khususnya dalam konteks nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita legenda sewajarnya dijadikan salah satu aspek penting dalam dunia akademik. Maka, kajian ini menganalisis nilai-nilai murni berlandaskan kepada konsep nilai-nilai murni yang tepat dan relevan untuk difahami oleh pembaca. Kerangka nilai-nilai murni yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan menerusi konsep rohani dijadikan deduktif kajian agar kajian ini lebih relevan. Di samping itu, dengan adanya jalinan konkrit antara nilai-nilai murni dengan konsep rohani yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, cerita legenda amat akrab dengan kebudayaan masyarakat Melayu. Bahkan, kajian ini turut membuktikan

hubung kait Falsafah Pendidikan Kebangsaan melalui nilai-nilai murni mengikut konsep Islam dengan merujuk pendapat tokoh-tokoh Islam dalam cerita legenda. Nilai-nilai murni ini yang sewajarnya diketengahkan dalam penyelidikan cerita rakyat. Justeru, adalah menjadi harapan pengkaji untuk mengisi kelompongan kajian sedia ada dan ingin memastikan kajian cerita legenda di Kelantan dapat diperjuangkan ke peringkat yang lebih tinggi demi memastikan khazanah warisan nenek moyang kita dapat dipulihara, dipelihara dan dimartabatkan di mata dunia.

METODOLOGI

Kajian ini menggariskan pendekatan kualitatif yang berfokuskan kepada kaedah kepustakaan dan temu bual. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan bahan-bahan yang terdiri daripada buku, jurnal sastera, kertas seminar, kertas kerja, glosari istilah, kamus, latihan ilmiah dan tesis para sarjana dan sumber Internet. Bahan-bahan ini dirujuk dari Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia (UPM), Perpustakaan Tun Seri Lanang di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Perpustakaan Universiti Malaya, Pusat Dokumentasi Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka Wilayah Timur (Kelantan), Perpustakaan Negara, Perpustakaan Awam Kelantan, Wisata Minda UPM, Perpustakaan Alam dan Tamadun Melayu UKM serta Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan.

Kaedah temu bual ialah kaedah utama yang digunakan di tempat kajian. Melalui kaedah ini, beberapa soalan berbentuk lisan telah dikemukakan oleh pengkaji kepada informan yang terpilih dengan skop kajian yang ingin dijalankan. Soalan lisan dikemukakan kepada informan untuk mendapatkan maklumat yang bertepatan dengan tajuk kajian. Soalan-soalan yang dikemukakan kepada informan mengikut kesesuaian cerita rakyat yang disampaikan. Namun begitu, soalan-soalan ini berubah mengikut situasi ketika informan sedang bercerita dan selepas bercerita. Hal ini kerana bentuk soalan-soalan ini juga dipengaruhi kesan daripada pengolahan jalan sesebuah cerita rakyat yang disampaikan oleh informan. Langkah ini wajar dilakukan oleh pengkaji ketika berlakunya proses temu bual dengan informan untuk mengelakkan rasa bosan dan sebagai salah satu cara untuk menarik perhatian informan ketika sedang bercerita. Cara ini sangat penting untuk memastikan pengkaji berjaya memperoleh sesebuah cerita rakyat mengikut skop kajian.

Selain itu, rakaman berbentuk video dan audio juga dilakukan untuk membuktikan bagaimana cara penyampaian informan dalam menyampaikan sesebuah cerita rakyat. Seterusnya, rakaman foto turut dilakukan di tempat kajian untuk

mendapatkan bukti yang kukuh. Akhirnya, hasil dapatan yang diperoleh telah dicatat, disaring dan dikategorikan dengan sah dan tepat agar tidak berlaku kesilapan dan kecaciran data semasa menjalankan kajian ini.

TATACARA PENYELIDIKAN

Merujuk kepada tatacara kajian, pengkaji menggunakan kerangka utama kajian *folklore* oleh Dundes (1965) melalui tiga peringkat, iaitu pengenalpastian, pengumpulan data dan analisis. Melalui langkah pertama ini, pengkaji mengumpul cerita rakyat yang berpusat di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Pengkaji mendapatkan perbincangan awal dengan penghulu kampung di Pengkalan Datu, Kelantan. Pada mulanya, penghulu kampung mencadangkan beberapa orang informan untuk ditemu bual. Antara penduduk kampung yang disyorkan oleh beliau ialah Mohd Asri Haji Husin, Hassan Ahmad, Che Adnan Che Kadir, Wan Mahmud Salleh dan Muhd Azman Mahmud. Langkah ini penting untuk memastikan pengkaji dapat mengumpul cerita rakyat dengan sistematik dan melancarkan proses kajian. Berdasarkan kepada perbincangan awal, pengkaji telah memilih Muhd Azman Mahmud sebagai tukang cerita kerana beliau memiliki kefahaman yang mendalam terhadap kebudayaan masyarakat di Kampung Pengkalan Datu. Faktor sebagai anak jati di Kampung Pengkalan Datu dan sudah terdidik dengan cerita rakyat oleh nenek moyang beliau menjadikan beliau seorang yang memiliki kepakaran untuk menyampaikan sesebuah cerita secara sistematik.

Peringkat seterusnya ialah pengumpulan data. Sebelum sesi temu bual bersama informan dilakukan, pengkaji membuat janji temu dan berbincang terlebih dahulu dengan informan secara tidak formal untuk membina persefahaman. Antara aspek penting yang dibincangkan ialah masa dan tarikh untuk menemu bual informan dan tempat dalam proses rakaman cerita. Aspek-aspek tersebut wajar dibincangkan untuk memastikan proses rakaman dapat dijalankan dengan sistematik. Melalui tatacara tersebut, pengkaji dapat memperoleh cerita rakyat, latar belakang penceritaan dan elemen nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Oleh itu, langkah-langkah ini wajar dititikberatkan untuk memastikan pengkaji dapat mengumpulkan data yang mencukupi dalam proses menganalisis data secara sistematik dan berkesan.

Temu bual bersama Muhd Azman Mahmud sebagai informan pilihan dijalankan secara berkumpulan seramai enam orang. Setiap ahli diberikan tanggungjawab dan tugas masing-masing seperti jurukamera, juruaudio dan pencatat dokumen cerita. Cerita-cerita yang diperoleh di dalam kajian ini telah disampaikan oleh tukang cerita dari 17 Mei 2017 sehingga 19 Mei 2017.

Peringkat selanjutnya ialah analisis. Segala dapatan dianalisis secara kualitatif untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita rakyat di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Elemen nilai-nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan yang terkumpul di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan akan dianalisis secara interpretasi. Konsep rohani telah dipilih sebagai deduktif kajian untuk memantapkan hujah perbincangan dalam bahagian analisis.

Alat Bantuan Kajian

Soalan lisan dikemukakan dalam bentuk temu bual untuk memperoleh data dan maklumat. Proses ini melibatkan transkripsi data daripada bentuk lisan ke bentuk tulisan. Cerita rakyat yang dipertuturkan secara lisan dari mulut ke mulut dan disampaikan daripada generasi terdahulu hingga generasi pada hari ini merupakan instrumen kajian ini. Selain itu, kamera dan pita rakaman suara juga merupakan alatan yang digunakan di tempat kajian. Rakaman video dan suara dilakukan serentak. Sekiranya rakaman video rosak, pita rakaman suara dijadikan sebagai bahan bukti dalam kajian ini dan sebaliknya.

Proses Menganalisis

Setelah kesemua data cerita rakyat diperoleh dan dikemaskini, proses analisis telah dilakukan oleh pengkaji setelah pulang dari tempat lapangan. Oleh itu, setelah cerita rakyat ini diperoleh, maka proses transkripsi dari bentuk rakaman suara dipindahkan ke dalam bentuk tulisan dengan menggunakan pilihan sama ada rakaman video atau rakaman suara. Cerita rakyat ini telah disusun dan ditaip ke dalam bentuk tulisan menggunakan bahasa Melayu agar mudah difahami oleh pembaca. Kajian ini menganalisis cerita rakyat yang bertajuk *Haji Long Abdul Rahman, Kehebatan Laksamana Laut, Bidan Tok Haji Esah, Raja Sakti Pemerintah Beribawa, Che Deraman, Che Him, Tentera Bergajah, Nik Mat Keturunan Raja Banjar, Kehebatan Bomoh Siam, Tok Karim Guru Silat Masyhur* dan *Pengunduran Raja Pattani*.

KERANGKA NILAI MURNI DALAM FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Nilai murni adalah tanggapan tentang perkara-perkara yang dihayati, bernilai murni, baik dan pada masa yang sama menjadi kriteria atau ukuran dalam kalangan masyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992). Menerusi Falsafah Pendidikan Kebangsaan, nilai-nilai ini didokong oleh semua agama dan bersifat

sarwajagat. Nilai murni yang digariskan ialah baik hati, berdikari, hemah tinggi, hormat-menghormati, kasih sayang, keadilan, kebebasan, keberanian, kebersihan, kejujuran, kerajinan, kerjasama, kesederhanaan, kesyukuran, rasional dan semangat bermasyarakat (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992). Sehubungan dengan itu, menerusi kajian ini, pengkaji hanya membataskan nilai murni baik hati melalui sikap pemurah, bertimbang rasa dan memahami. Selain itu, nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra, nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati orang tua serta nilai kasih sayang melalui sikap manusia sayangkan nyawa. Pendefinisian konsep nilai-nilai murni ini dijadikan kerangka penting dan dibincangkan secara sistematik pada bahagian analisis berdasarkan kepada pandangan para sarjana dari Malaysia dan luar negara.

Pertamanya, nilai baik hati. Pecahan kepada nilai murni baik hati ialah sikap belas kasihan, bertimbang rasa, pemurah, memahami dan memaafkan (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992). Baik hati dapat ditafsirkan sebagai perasaan belas yang wujud dalam jiwa seseorang dan memberi manfaat serta kebaikan kepada diri (Tajul Ariffin dan Nor'aini 1992). Sifat-sifat tersebut merupakan perbuatan yang mulia dan tidak hanya terbatas kepada sesama manusia bahkan sesama makhluk. Sifat tersebut juga sangat dituntut dalam agama Islam untuk diamalkan dalam diri masyarakat (Atjeh 1988).

Seterusnya, nilai hemah tinggi. Pecahan kepada nilai hemah tinggi ialah kesopanan, mengakui kesalahan diri dan ramah mesra. Menurut Tajul Ariffin dan Nor'aini (1992), hemah tinggi merupakan sikap berbudi pekerti, tingkah mulia dan lemah lembut yang diamalkan oleh seseorang individu dalam hubungannya dengan ahli masyarakat yang lain. Hal ini bermakna, individu yang mengamalkan sikap ini dapat membentuk masyarakat yang harmonis dan positif. Selain itu, nilai hormat-menghormati terbahagi kepada sikap hormat ibu bapa dan penjaga, hormat kepada keluarga, sahabat dan jiran, hormat kepada adat resam dan kepercayaan agama masing-masing serta hormat kepada sistem dan undang-undang negara. Islam mewajibkan umatnya agar hormat-menghormati antara satu sama lain. Sikap hormat-menghormati akan memperkukuhkan ikatan tali persaudaraan dalam kalangan umat Islam (Amir 1991). Hal ini secara langsung memberi kesan seperti melahirkan masyarakat Islam yang tahu tugas dan tanggungjawab serta rasa hormat-menghormati yang merupakan sumber ketenangan dan keharmonian dalam hidup bermasyarakat (Mohd Firdaus 2015).

Selain itu, nilai kasih sayang terbahagi kepada ciri-ciri seperti sayang kepada nyawa, alam sekitar dan cintakan negara. Nilai kasih sayang merupakan suatu ikatan yang melibatkan perasaan yang suci dalam diri seseorang (Atjeh 1988;

Hashim 2008; Mohd Firdaus 2015). Dalam konteks Islam, manusia diwajibkan untuk berkasih sayang dalam kehidupan untuk sebuah kebahagiaan hakiki (Mohd Firdaus 2015).

Berdasarkan kepada pecahan nilai-nilai murni yang dijelaskan, pengkaji mengaplikasikan konsep rohani yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sebagai deduktif kajian. Konsep rohani ini diaplikasikan dengan pecahan nilai baik hati seperti sikap pemurah, bertimbang rasa dan memahami, nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra, nilai hormat-menghormati seperti menghormati orang tua serta nilai kasih sayang melalui sikap sayangkan nyawa. Konsep rohani merupakan satu konsep bersifat dalaman yang berhubung kait dengan kerohanian, keperibadian diri atau hakikat insan itu sendiri. Dari sudut ontologinya, hakikat insan merujuk kepada soal hakikat kejadian diri, tujuan kehidupan, kematian dan kehidupan sesudahnya (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992). Ciri-ciri konsep rohani ialah menyedari dan menginsafi hakikat Pencipta, menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta dan menyedari dan menginsafi tanggungjawab. Merujuk kepada ciri menyedari dan menginsafi “hakikat Pencipta” yang terdapat pada pernyataan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dilihat selari dengan matlamat asas pendidikan negara yang berhasrat melahirkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992). Seterusnya, ciri menghargai dan mensyukuri pemberian Pencipta membawa maksud secara dasarnya, segala nikmat dan pemberian dalam kehidupan seharian manusia datang daripada Tuhan Maha Pencipta (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992). Malah, segala apa yang diciptakan oleh Tuhan di dunia ini merupakan nikmat untuk kepentingan seluruh hamba-Nya.

Di samping itu, manusia yang dicipta sebagai khalifah dan hamba kepada Tuhan, bertanggungjawab dalam memelihara dan memakmurkan alam serta menjaga keseimbangan dan kesejahteraan hidup sesama manusia dan alam sekitar adalah berpaksikan kepada ciri menyedari dan menginsafi tanggungjawab (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992). Oleh itu, pecahan kepada nilai-nilai murni ini terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan yang telah digariskan dan sewajarnya dipatuhi oleh seluruh masyarakat di negara ini untuk memastikan keamanan negara. Justeru, pecahan nilai-nilai murni yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan sangat relevan kepada aspek nilai-nilai murni dalam cerita rakyat agar penggarapan nilai-nilai murni dapat dijadikan sebagai medium dalam mendidik masyarakat bernilai murni, berakhlak, berdisiplin dan ikhlas berpandukan kepada prinsip Rukun Negara.

NILAI-NILAI MURNI DALAM CERITA LEGENDA

Antara nilai murni yang terkandung di dalam cerita-cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan ialah nilai baik hati seperti sikap pemurah, bertimbang rasa dan memahami. Seterusnya nilai hemah tinggi merujuk kepada sikap ramah mesra, nilai hormat-menghormati seperti sikap menghormati orang tua dan nilai kasih sayang seperti sikap manusia sayangkan nyawa. Kesemua nilai-nilai murni ini akan dianalisis secara terperinci berdasarkan petikan-petikan cerita legenda yang diperoleh dan diaplikasikan dengan pendekatan rohani.

Baik Hati Melalui Sikap Pemurah

Maksud sikap pemurah ialah manusia yang memiliki perwatakan atau perlakuan tidak kedekut atau bakhil, iaitu seseorang yang suka memberi sedekah kepada sesiapa sahaja di sekelilingnya dan perbuatan ini tidak mengharapkan balasan atas perbuatan yang dilakukan (Ismail 1987; Hashim 2008; Mohd Firdaus 2015). Sikap pemurah dapat dirumuskan sebagai sikap yang dimiliki oleh manusia yang tidak kedekut, iaitu mereka yang suka menderma dengan ikhlas dan tidak sesekali mengharapkan balasan atas perbuatan yang dilakukan itu. Sikap pemurah menggambarkan bahawa seseorang manusia memiliki tahap keimanan yang kuat di sisi Allah SWT. Sikap pemurah boleh dilihat menerusi cerita yang bertajuk *Kehebatan Laksamana Laut* seperti petikan di bawah:

Beliau dapat menyembuhkan pelbagai penyakit yang dialami penduduk kampung yang datang untuk merawat. Beliau sering membantu masyarakat di kampung yang menghidap apa-apa jenis penyakit sedaya yang boleh. Sepanjang beliau merawat pesakit, beliau tidak pernah mengambil sebarang balasan dan upah daripada pesakit kerana beliau ikhlas membantu penduduk kampung mengalami masalah kesihatan. (Muhd Azman 2017)

Berdasarkan petikan di atas, informan menggambarkan sikap pemurah yang dimiliki oleh seorang lelaki tua bernama Che Deraman di Kampung Pulau Gajah. Contohnya, Che Deraman dapat merawat segala jenis penyakit yang menyebabkan penduduk kampung tidak segan pergi ke rumahnya demi merawat penyakit, kerana sikapnya tidak pernah mengambil upah atas setiap rawatan yang dilakukan olehnya. Dalam konteks ini, jelas terbukti bahawa Che Deraman suka melakukan pekerjaannya dengan bersedekah kepada penduduk kampung.

Selain itu, sikap pemurah boleh dilihat dalam cerita *Bidan Tok Haji Esah* seperti berikut:

Beliau juga dikatakan telah memberi pinjam mangkuk untuk kegunaan masyarakat ketika kenduri. Ia dikatakan memudahkan orang kampung untuk tidak meminjam pinggan mangkuk dengan Puteri Saadong lagi. Pinggan mangkuk yang dipinjamkan juga berada dalam keadaan baik sewaktu dipinjamkan. (Muhd Azman 2017)

Berdasarkan petikan *Bidan Tok Haji Esah*, sikap pemurah ini tergambar pada watak seorang perempuan tua, iaitu Bidan Tok Haji Esah di Kampung Babong. Contohnya, sikap pemurah beliau dapat dilihat bersandarkan sifatnya yang tidak kedekut untuk memberi pinjam pinggan mangkuk miliknya kepada penduduk kampung yang tidak berkemampuan untuk mengadakan kenduri-kendara. Penduduk di Kampung Babong pada ketika itu senang berjumpa Bidan Tok Haji Esah untuk meminta pertolongan kerana sikap pemurahnya disenangi oleh penduduk kampung. Dalam konteks ini, jelas terbukti bahawa Bidan Tok Haji Esah merupakan insan yang berhati mulia dan tidak pernah kedekut untuk memberi pinjam barangan miliknya kepada penduduk di Kampung Babong demi menjaga hubungan silaturahim yang erat.

Menerusi pandangan Ismail (1987), sikap pemurah atau dermawan merupakan sifat yang sudah menjadi tradisi kuat dalam kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini kerana sikap pemurah atau dermawan ini merupakan salah satu nilai Melayu yang amat disanjung tinggi dalam kalangan masyarakat setempat (Mohd Firdaus 2015). Oleh itu, masyarakat Melayu telah mengamalkan sikap ini dalam sesebuah kehidupan untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Seterusnya, Hashim (2008) pula menegaskan bahawa orang yang dirinya dihiasi dengan sifat dermawan sudah pasti memahami semangat persaudaraan yang perlu diutamakan dan mengasihi sesama insan sebagaimana dia mengasihi dirinya sendiri adalah manifestasi dorongan iman yang kuat, di samping menyedari setiap rezeki yang dimiliki hanyalah pinjaman Allah SWT untuk diurus sebaik-baiknya. Oleh itu, apabila ada seseorang ditimpa kesusahan, kita akan segera menghulurkan bantuan mengikut kemampuan yang ada, sekalipun dirinya sendiri tersepit dalam kesusahan. Selain itu, Mohd Firdaus (2018) berpendapat bahawa sikap dermawan merupakan perilaku mulia dalam kalangan masyarakat Melayu demi melahirkan masyarakat yang harmoni dan sejahtera. Perkara ini jelas membuktikan bahawa sikap pemurah wajar disemai dalam kalangan masyarakat untuk memberi bantuan dan perlindungan kepada insan-insan yang memerlukan.

Baik Hati Melalui Sikap Bertimbang Rasa

Maksud bertimbang rasa ialah memiliki suatu perasaan simpati terhadap kesusahan dan penderitaan orang lain dan berlaku adil dalam keputusan untuk menjaga kebajikan serta mengelakkan berlakunya konflik dengan orang lain (Mustafa 1995; Hashim 2008; Mohd Firdaus 2015). Sikap bertimbang rasa ini dapat disimpulkan sebagai perasaan simpati, berlaku adil, belas kasihan, mengambil berat dan sedia memberi pertolongan serta menjaga kebajikan masyarakat sekeliling.

Sikap bertimbang rasa merupakan sifat mulia yang perlu dimiliki oleh setiap insan untuk membentuk ketinggian akhlak, disanjung tinggi oleh masyarakat dan amat dimuliakan di sisi Allah SWT. Sikap bertimbang rasa boleh dilihat menerusi cerita yang bertajuk *Haji Long Abdul Rahman*. Hal ini jelas tergambar dalam petikan di bawah:

Beliau telah menubuhkan sebuah madrasah untuk tujuan pembelajaran agama oleh penduduk setempat. Hafalan al-Quran sering dialunkan secara merdu oleh anak-anak muridnya. Zikir tidak lepas dibibirnya. Beliau juga sangat dikenali sebagai “raja telunjuk” kerana kepakarannya dalam perubatan Islam dalam kalangan masyarakat. (Muhd Azman 2017)

Berdasarkan petikan *Haji Long Abdul Rahman*, informan menggambarkan sikap bertimbang rasa yang dimiliki oleh seorang guru agama bernama Haji Long Abdul Rahman di Kampung Pulau Gajah. Contohnya, setelah beliau menyedari betapa pentingnya ilmu akhirat kepada manusia, lalu beliau memainkan peranan penting di kampungnya dengan menyampaikan ilmu agama kepada penduduk kampung. Beliau mengajar al-Quran kepada anak-anak kecil dan menyampaikan ceramah agama di sebuah madrasah untuk kepentingan penduduk kampung di sekitarnya. Oleh itu, anak-anak kecil dapat membaca al-Quran dengan baik dan lancar serta penduduk kampung dapat mengamalkan ajaran Islam dengan sempurna. Dalam konteks ini, jelas membuktikan bahawa Islam mengajar kita untuk menjaga kebajikan sesama manusia agar memastikan agama Islam dapat dikembangkan dengan sempurna.

Seterusnya, sikap bertimbang rasa juga terkandung dalam cerita *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa* seperti berikut:

Sultan Kelantan telah pergi ke hutan yang dimaksudkan oleh pawang bersama-sama hulubalanganya. Setelah jauh berjalan tidak juga ditemui rumpunan buluh yang dimaksudkan oleh pawang itu. Baginda telah memutuskan untuk berehat seketika bagi melepaskan lelahnya. (Muhd Azman 2017)

Berdasarkan petikan *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa*, cerita lisan ini mengisahkan tentang betapa mulianya sikap bertimbang rasa yang dimiliki oleh Sultan Kelantan terhadap pengikut-pengikutnya. Contohnya, setelah baginda menyedari kesukaran dan kepenatan pengikut-pengikutnya ketika mencari buluh di kawasan hutan belantara, lalu baginda telah meminta pengikut-pengikutnya berehat seketika sebelum meneruskan perjalanan yang seterusnya. Dalam konteks ini, jelas terbukti bahawa perhubungan persaudaraan antara pemerintah dan rakyat jelata pada zaman dahulu erat dan sikap bertimbang rasa ini jelas tergambar melalui watak Sultan Kelantan.

Selain itu, sikap bertimbang rasa ini turut tergambar dalam cerita *Che Deraman*.

Ramai penduduk kampung yang mempunyai masalah datang mengadu kepada beliau dan beliau tidak mengabaikannya, sebaliknya beliau membantu menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Pada suatu ketika, terdapat satu pergaduhan yang berlaku antara penduduk kampung itu sendiri. Che Deraman ketika itu sedang berehat di pondok depan rumahnya dan terdengar suara lelaki sedang menengking. Beliau bingkas bangun dan segera ke tempat kejadian untuk meleraikan pergaduhan. Setelah beberapa minit, beliau berjaya meleraikan pergaduhan tersebut dengan baik. Beliau menasihati mereka agar tidak bermusuhan sesama sendiri. (Muhd Azman 2017)

Menerusi petikan *Che Deraman*, pembaca dapat mencontohi sikap bertimbang rasa yang dimiliki oleh seorang lelaki tua bernama Pak Deraman di Kampung Pengkalan Datu. Contohnya, Pak Deraman sangat mementingkan ikatan tali persaudaraan dalam kalangan penduduk di Kampung Pengkalan Datu dengan cara menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh penduduk yang sering berjumpa dengannya. Pada suatu ketika, telah berlakunya satu pergaduhan besar dalam kalangan penduduk, lalu Pak Deraman dapat meleraikan pergaduhan itu dan menasihati mereka dengan cara yang baik. Perkara ini jelas membuktikan bahawa sikap bertimbang rasa wajar disemai dalam sebuah kehidupan bermasyarakat agar dapat melahirkan masyarakat yang bersatu-padu dan harmoni.

Selain itu juga, sikap bertimbang rasa boleh dilihat menerusi cerita *Che Him*.

Perempuan itu cuba untuk mendekati orang lalu-lalang namun tiada siapa yang ingin mendekatinya. Keadaan perempuan itu telah meraih perasaan simpati Che Him ke atas perempuan itu. Segera Che Him menghulurkan sedikit makanan dari kedainya kepada perempuan itu. Makanan itu disambut oleh perempuan itu sambil mengucapkan terima kasih dengan air mata yang membasahi pipinya. (Muhd Azman 2017)

Petikan *Che Him* mengisahkan sikap bertimbang rasa yang dimiliki oleh seorang saudagar Cina bernama Che Him terhadap seorang perempuan. Contohnya, setelah Che Him menyadari tiada sesiapa pun yang ingin membantu seorang perempuan yang hidup susah datang ke kedainya, lalu Che Him segera mendapatkan perempuan itu dan memberikannya makanan. Konteks ini membuktikan bahawa masyarakat Cina mementingkan hubungan baik dengan masyarakat Melayu untuk memastikan mereka dihormati dalam kalangan masyarakat Melayu.

Sikap bertimbang rasa merupakan tunjang asas bagi membentuk keperibadian dalam memastikan masyarakat Melayu menambahkan kebaikan bukan sahaja kepada seseorang individu bahkan orang lain (Mustafa 1991). Hashim (2008) turut berpendapat bahawa masyarakat Melayu sangat memuliakan masyarakat di sekeliling mereka untuk mewujudkan hubungan baik serta memastikan sifat bertimbang rasa dapat dipraktikkan dalam sebuah kehidupan bermasyarakat. Bertimbang rasa juga merupakan sebahagian daripada gagasan pemikiran yang dapat mewujudkan keamanan, kesejahteraan dan keharmonian serta mengekalkan perpaduan dalam masyarakat Melayu (Mohd Firdaus 2015). Dalam konteks ini, sikap bertimbang rasa merupakan suatu perilaku mulia yang semestinya dimiliki dan dipupuk oleh setiap manusia demi mewujudkan perpaduan erat dalam kalangan masyarakat.

Baik Hati Melalui Sikap Memahami

Maksud sikap memahami ialah memperlihatkan tentang keadaan seseorang yang mengetahui atau arif mengenai sesuatu perkara (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2016). Menerusi kajian ini, pengkaji juga mendapati sikap memahami turut terdapat dalam cerita *Tentera Bergajah*.

Raja Pattani telah mula berbincang mengenai permasalahan yang berlaku di dalam kerajaan itu. Pemuda ufti itu seakan-akan memahami permasalahan yang berlaku dan faham akan masalah yang difikirkan oleh Raja Pattani pada ketika itu. Permasalahan ini mengenai gajah tentera giat dilaksanakan kerana tanpa gajah-gajah tersebut peperangan mungkin tidak berpihak kepada kerajaan. (Muhd Azman 2017)

Berdasarkan petikan *Tentera Bergajah*, kisah ini dengan jelas menggambarkan sikap memahami yang dimiliki oleh watak seorang pemuda untuk membantu Raja Pattani menyelesaikan masalah dalam pentadbirannya. Contohnya, pemuda pemungut ufti telah memberi cadangan yang bernas kepada Raja Pattani untuk mengatasi pergolakan yang berlaku dalam kalangan pembesar sehingga dapat

menyelesaikan masalah tersebut. Dalam konteks ini, manusia memerlukan perhatian daripada seseorang untuk mewujudkan sebuah ikatan persaudaraan yang sejati.

Menerusi kajian ini, informan turut membincangkan tentang sikap memahami yang terkandung dalam cerita lisan bertajuk *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* seperti petikan berikut:

Terdapat suatu ketika, seorang rakyatnya telah datang menemui baginda sewaktu baginda sedang bersemayam di istana untuk menceritakan permasalahan yang telah berlaku terhadap dirinya. Baginda telah mendengar sedaya upaya akan permasalahan yang dibicarakan. Baginda telah meminta Datuk Bendahara untuk membantu menguruskan permasalahan yang dibawa oleh rakyat tersebut. (Muhd Azman 2017)

Berdasarkan cerita legenda ini, pengkaji dapat membawa pembaca untuk mempelajari dan mencontohi sikap memahami yang dimiliki oleh watak seorang raja yang memerintah negeri Kelantan. Contohnya, sikap keprihatinan raja terhadap masalah rakyat jelata dapat diselesaikan dengan baik tanpa mengira pangkat dan darjat. Dalam konteks ini, raja sangat memahami masalah yang menimpa rakyat jelata, lalu baginda mengambil keputusan untuk memberi bantuan kepada rakyat jelata tanpa mengira pangkat dan darjat lantas dapat mewujudkan keharmonian sejagat.

Mustafa (1991) menegaskan bahawa sikap memahami dalam kalangan mukmin dapat membentuk sebuah masyarakat yang bersatu-padu, bahagia dan sejahtera demi menjaga kebajikan dalam kalangan masyarakat. Perkara ini jelas membuktikan bahawa nilai baik hati melalui sikap memahami merupakan tunjang kepada pembentukan masyarakat yang dapat melahirkan budaya berkasih sayang dalam mewujudkan sebuah ikatan persaudaraan yang berpanjangan.

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992), dapatan kajian membuktikan bahawa nilai baik hati menerusi sikap pemurah, bertimbang rasa dan memahami bertepatan dengan konsep rohani. Hal ini kerana sikap mulia ini diterjemahkan melalui perasaan dan tindakan seseorang individu dalam melaksanakan tanggungjawab kepada orang lain. Pertama, sikap pemurah yang merujuk kepada cerita *Kehebatan Laksamana Laut* telah membuktikan bahawa sikap seorang pawang yang membantu penduduk kampung seikhlas hati tanpa mengharapkan balasan. Seterusnya, sikap pemurah Bidan Tok Haji Esah menjelaskan kepada masyarakat bahawa pentingnya semangat untuk membantu penduduk kampung yang dilanda kesusahan menerusi cerita *Bidan Tok Haji*

Esah. Selain itu, sikap bertimbang rasa menerusi cerita *Haji Long Abdul Rahman* membuktikan pentingnya sikap ulama untuk memberi pendidikan ilmu agama kepada penduduk kampung demi kecemerlangan di dunia dan akhirat. Sikap raja yang senantiasa mengambil berat tentang rakyat turut tergambar dalam cerita *Raja Sakti Pemerintah Berwibawa*. Manakala cerita *Che Him* membuktikan kepada pembaca pentingnya sikap ikhlas untuk memberi pertolongan tanpa mengira agama sebagai tunjang keharmonian dan kesejahteraan.

Di samping itu, sikap memahami menerusi cerita *Tentera Bergajah* dan *Nik Mat Keturunan Raja Banjar* membawa kita memahami betapa pentingnya untuk memberi khidmat bakti kepada orang lain yang dilanda musibah. Justeru, gambaran kisah cerita legenda ini membuktikan betapa pentingnya sikap melaksanakan tanggungjawab kepada orang lain demi mewujudkan hubungan baik selaras dengan matlamat pendidikan kebangsaan yang berhasrat melahirkan masyarakat yang sentiasa sedar bahawa tugas dan tanggungjawab itu adalah amanah dan berusaha untuk memajukan diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992).

Hemah Tinggi Melalui Sikap Ramah Mesra

Maksud sikap ramah mesra ialah manusia yang dapat mewujudkan suasana bermasyarakat secara ikatan perhubungan mesra, iaitu akrab, boleh berkomunikasi dengan baik, berkelakuan baik dalam perlakuan dan tutur kata (Hashim 2008; Mohd Firdaus 2015). Seterusnya, ramah membawa maksud elok dan menarik budi bahasanya, suka bercampur dengan mesra, serta suka bercakap-cakap (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2016). Selain itu, mesra pula membawa maksud bercampur benar-benar, menyerap benar-benar berpadu, bersehati, erat atau karib, muluk-muluk indah, sedap serta nyaman (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2016). Sikap ramah mesra dapat dirumuskan sebagai manusia yang sedaya upaya menjalinkan perhubungan suci dengan masyarakat di sekeliling dengan menitikberatkan ketelusan dalam perlakuan dan komunikasi demi mewujudkan sebuah kehidupan yang harmoni.

Seterusnya, sikap ramah mesra ini terpancar dalam cerita *Che Him* menerusi petikan berikut:

Perniagaan yang dijalankan itu semakin hari semakin mendapat perhatian penduduk sekitarnya. Biar pun beliau merupakan seorang berbangsa Cina, namun masyarakat sekitar masih menerimanya kerana sikapnya yang ramah dan suka bergaul dengan masyarakat Melayu telah membuatkan dirinya disenangi oleh masyarakat. Sehingga ada

yang memanggilnya sebagai Che Him kerana tidak mengetahui nama sebenarnya. Namun begitu, beliau senang dengan gelaran baharu itu. (Muhd Azman 2017)

Petikan cerita *Che Him* ini mengisahkan tentang sikap ramah mesra yang dimiliki oleh seorang pedagang dari China yang digelar sebagai Che Him dalam kalangan masyarakat setempat. Contohnya, sikapnya yang suka bergaul dengan masyarakat Melayu telah membuatkan Che Him disenangi dan disukai oleh masyarakat Melayu. Kehidupannya sebagai seorang peniaga kecil di Kampung Pengkalan Datu telah banyak membantu masyarakat di sekeliling kampung itu untuk mendapatkan barangan dan keperluan harian mereka. Tambahan pula, sikapnya yang ramah memudahkan penduduk kampung mendampinginya. Konteks ini membuktikan bahawa orang asing cuba mendekati dan menyelami hubungan persaudaraan dengan masyarakat tempatan untuk melahirkan masyarakat yang madani dan harmoni.

Swettenham (2003) telah menghujahkan bahawa masyarakat Melayu mengamalkan sikap ramah mesra dalam kalangan masyarakat setempat demi mewujudkan sebuah perhubungan yang harmoni dan sejahtera tanpa mengira pangkat atau darjat. Selain itu, nilai hemah tinggi melalui sikap ramah mesra dalam kalangan masyarakat Melayu juga telah dibincangkan oleh tokoh ilmuwan di Malaysia. Antaranya ialah Mahathir (1970) yang membuktikan bahawa masyarakat Melayu sememangnya suka melayani orang di sekeliling mereka dengan baik tanpa berfikiran negatif serta tidak mempunyai sebarang syak wasangka demi memastikan sebuah masyarakat yang aman damai. Selain itu juga, masyarakat Melayu suka melayani orang di sekeliling dengan baik untuk mengeratkan tali persaudaraan tidak kira taraf dan darjat kedudukan seseorang itu dalam masyarakat (Jeannot dan Khairul Anuar 2012). Sikap ramah mesra dalam kalangan masyarakat setempat tanpa mengira agama, bangsa dan negara akan mewujudkan sebuah perhubungan yang harmoni dan sejahtera (Mohd Firdaus 2015). Perkara ini menunjukkan bahawa sikap ramah mesra tidak asing lagi dalam kalangan masyarakat Melayu sejak dari zaman dahulu hingga kini dan disukai oleh bangsa asing yang pernah menjajah negara ini.

Dapatan kajian ini membuktikan bahawa nilai hemah tinggi bersandarkan kepada sikap ramah mesra bertepatan dengan konsep rohani dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal ini kerana petikan dalam cerita rakyat ini berlandaskan kepada sikap manusia yang beradab dan bersopan-santun melayani orang sekeliling demi mewujudkan keharmonian. Justeru, cerita *Che Him* menggambarkan sikap hemah tinggi yang sewajarnya disemai dan diamalkan oleh manusia demi melahirkan masyarakat yang bersatu padu, sejajar dengan matlamat pendidikan kebangsaan yang berhasrat melahirkan masyarakat yang sentiasa sedar bahawa tugas dan

tanggungjawab adalah amanah dan berusaha untuk memajukan diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1992).

Hormat-Menghormati Melalui Sikap Menghormati Orang Tua

Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2016), orang tua membawa maksud gelaran untuk emak dan ayah atau golongan yang lebih berusia. Sikap menghormati orang tua boleh dilihat menerusi cerita *Tok Karim Guru Silat Masyhur* menerusi petikan cerita berikut:

Walaupun masyarakat pada ketika itu menyanjungi beliau sebagai seorang tokoh terhormat, namun masih ada sikap merendah diri dalam dirinya kerana beliau tidak pernah angkuh dengan kebolehan yang ada pada dirinya. Masyarakat setempat masih menghormatinya kerana sikapnya yang menjadi tauladan kepada masyarakat. (Muhd Azman 2017)

Berdasarkan petikan *Tok Karim Guru Silat Masyhur* di atas, informan memperlihatkan sikap hormat-menghormati yang dimiliki oleh watak penduduk kampung terhadap Tok Karim. Contohnya, kehebatan Tok Karim dalam ilmu persilatan dan perwatakannya yang tidak sombong telah menyebabkan dirinya disenangi dan disayangi oleh masyarakat setempat. Oleh itu, masyarakat setempat menjadikan Tok Karim sebagai idola untuk dicontohi dalam kehidupan mereka kerana kepandaian Tok Karim dalam ilmu persilatan. Dalam konteks ini, masyarakat tradisi khususnya golongan muda sangat menghormati orang tua sebagai tanda hormat serta dapat mewujudkan sebuah ikatan persaudaraan yang utuh.

Sikap menghormati orang tua dalam masyarakat Melayu terserlah dengan memberi gelaran tertentu sebagai tanda hormat (Metzger 2007). Menurut Hashim (2008), sikap menghormati orang tua adalah salah satu teras penting dalam mewujudkan sebuah kehidupan harmoni dalam kalangan masyarakat setempat. Selain itu, sudah menjadi adat masyarakat Melayu memberikan gelaran kepada orang yang lebih tua sebagai menghormati mereka dan meletakkan golongan ini di tahap yang baik dalam kalangan masyarakat setempat (Jeannot dan Khairul Anuar 2012). Seterusnya, masyarakat hendaklah sedar bahawa gelaran hormat kepada orang tua adalah bertujuan untuk menghormati kaum ini dalam kalangan masyarakat (Mohd Firdaus 2015). Perkara ini jelas membuktikan bahawa masyarakat khususnya golongan kanak-kanak, remaja dan dewasa sewajarnya menghormati orang tua dengan panggilan yang betul sebagai tanda hormat di samping untuk membentuk sebuah kehidupan yang sejahtera.

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dapatan kajian membuktikan bahawa nilai hormat-menghormati melalui sikap menghormati orang tua berlandaskan kepada penunaian tanggungjawab orang muda kepada warga tua demi melahirkan hubungan silaturahmi yang akrab bertepatan dengan konsep rohani. Hal ini disebabkan sikap menghormati orang tua dalam kalangan golongan muda sewajarnya dipandang serius untuk membentuk jiwa bersih dan mulia. Menerusi cerita *Tok Karim Guru Silat Masyhur* dapat dibuktikan kesahihannya iaitu betapa masyarakat kampung menyanjungi dan menghormati Tok Karim disebabkan kebaikannya kepada penduduk kampung. Hal ini jelas membuktikan bahawa sikap menghormati orang tua merupakan tanggungjawab dan tugas, menepati matlamat pendidikan kebangsaan yang berhasrat melahirkan masyarakat yang sentiasa sedar bahawa tugas dan tanggungjawab itu adalah amanah dan berusaha untuk memajukan diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992).

Kasih Sayang Melalui Sikap Manusia Sayangkan Nyawa

Maksud sikap manusia sayangkan nyawa ialah tindakan manusia untuk menyelamatkan nyawa daripada sebarang perbuatan yang boleh menghilangkan nyawa (Hashim 2008; Mohd Firdaus 2015). Seterusnya, nyawa bermaksud roh yang menghidupkan manusia, jiwa serta semangat (*Kamus Dewan Edisi Keempat* 2016). Sikap manusia yang sayangkan nyawa dapat dirumuskan iaitu manusia berhak melindungi nyawa mereka daripada menjadi mangsa korban atau malapetaka yang berlaku. Sikap manusia yang sayangkan nyawa turut tergambar dalam cerita lisan *Kehebatan Bomoh Siam*.

Si suami telah berjumpa dengan bermacam bomoh untuk merawat penyakit isterinya tetapi tidak dapat juga menyembuhkan penyakit si isteri. Si suami makin buntu mencari jalan penyelesaiannya. Pada suatu hari, dengan izin Allah SWT, si suami telah berjumpa dengan seorang penduduk kampung yang pernah berubat dengan bomoh Siam dan telah memberitahu akan kebolehan bomoh tersebut kepadanya. Hal ini, menjadikan satu kegembiraan kepada si suami. Si suami segera berjalan pulang dengan perasaan suka hati. (Muhd Azman 2017)

Cerita *Kehebatan Bomoh Siam* ini jelas memaparkan sikap kasih sayang manusia sayangkan nyawa yang dimiliki oleh seorang suami terhadap isteri tercinta. Contohnya, kasih sayang ini jelas tergambar melalui watak seorang suami yang berkorban jiwa dan raga serta wang ringgit untuk mencari seorang bomoh untuk merawat penyakit misteri yang dihadapi oleh isterinya. Pengorbanan suami terhadap isterinya akhirnya berjaya menemukan seorang bomoh yang dapat mengubati

penyakit tersebut. Dalam konteks ini suami isteri wajarlah menyemai perasaan cinta demi mengeratkan ikatan sebuah perkahwinan yang dibina.

Kasih sayang kepada nyawa ialah memelihara dan menjaga nyawa dengan sebaik mungkin iaitu mengelakkan diri daripada terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan perbuatan yang boleh menghilangkan nyawa (Mohd Firdaus 2015). Masyarakat Melayu percaya bahawa nyawa merupakan anugerah daripada Allah SWT yang tidak ternilai dan Allah SWT sahaja yang berhak ke atas nyawa manusia.

Berdasarkan Falsafah Pendidikan Kebangsaan, nilai kasih sayang bertunjangkan kepada sikap manusia sayangkan nyawa berpaksikan kepada konsep rohani. Hal ini kerana manusia wajib menjaga nyawa daripada segala anasir yang memudaratkan tubuh badan demi menghargai nyawa yang diberikan oleh Allah SWT di muka bumi ini. Tanggungjawab manusia kepada Allah SWT sangat besar daripada segala-galanya dan sikap menjaga nyawa ini merupakan kepatuhan manusia kepada Allah SWT. Petikan cerita *Kehebatan Bomoh Siam* ini membuktikan betapa utuh kasih sayang suami isteri untuk mengubati penyakit demi sebuah kehidupan yang sejahtera. Oleh itu, tanggungjawab suami kepada isteri ini merupakan cerminan nilai mulia yang sewajarnya diamalkan dalam kehidupan berumah tangga sebagai benteng kebahagiaan. Justeru, cerita rakyat ini menepati dengan matlamat pendidikan kebangsaan yang berhasrat melahirkan masyarakat yang sentiasa sedar bahawa tugas dan tanggungjawab merupakan amanah dan berusaha untuk memajukan diri, masyarakat, agama, bangsa dan negara sejajar dengan sikap tanggungjawab suami isteri dalam keluarga sakinah (Kementerian Pendidikan Malaysia 1992).

KESIMPULAN

Penyelidikan ini adalah untuk menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam cerita legenda di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Selain itu, tujuan tersirat kajian ini ialah memperlihatkan aspek kebudayaan masyarakat Melayu. Menerusi cerita legenda yang diwarisi ini, terungkap segala ketinggian pemikiran dan falsafah orang Melayu serta merangkumi nilai pandang dunia masyarakat Melayu. Semakin mendalam kajian yang dijalankan, semakin banyak terungkap khazanah yang dapat ditelusuri mengenai pemikiran dan falsafah dalam cerita legenda ini. Analisis kajian nilai-nilai murni dalam cerita legenda berfokuskan kepada masyarakat Melayu ini dihasilkan untuk kegunaan dan bermanfaat kepada seluruh masyarakat Melayu pada masa kini. Kajian ini juga membuktikan bahawa terdapat cerita legenda yang kaya dengan nilai-nilai murni yang boleh dijadikan

sebagai medium untuk mendidik jiwa positif dalam kalangan masyarakat setempat. Di samping itu, adanya jalinan konkrit antara nilai murni dengan konsep rohani yang terkandung di dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan membuktikan bahawa cerita legenda amat akrab dengan kebudayaan masyarakat Melayu.

RUJUKAN

- Atjeh, A. 1988. *Akhlag dalam Islam*. 3rd ed. Kelantan: Pustaka Alam.
- Amir A. Rahman. 1991. *Pengantar Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Dundes, A. 1965. *The story of folklore*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Halimah Hassan. 1989. Masyarakat dalam sastra rakyat. *Dewan Sastra* 8: 47–48.
- Hashim Awang. 2002. Teori pengkaedahan Melayu dan prinsip penerapannya. Seminar Bengkel Kajian Teori Sastra Melayu, Riviera Bay Resort, Melaka. 20–23 June.
- _____. 2008. *Hati budi Melayu: Pengukuhan menghadapi cabaran abad ke-21*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Ismail Hamid. 1987. *Perkembangan kesusasteraan Melayu lama*. Petaling Jaya: Longman.
- Jeannot Abdul Karim and Khairul Anuar Rezo. 2012. Pembentukan skala pengukuran nilai Melayu: Satu kajian perintis. *Akademika* 4(5): 113–123.
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. 2016. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 1992. *Pukal latihan kurikulum bersepadu sekolah menengah: Falsafah pendidikan negara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahathir Mohamad. 1970. *The Malay dilemma*. Kuala Lumpur: Federal Publications.
- Metzger, L. 2007. *Nilai-nilai Melayu: Satu sudut pandangan orang luar*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Perguruan Sultan Idris.
- Mohd Fahmi Ismail, Salmah Jan Noor Muhammad and Mohd Sharifudin Yusop. 2015. Cerita rakyat Melayu sebagai cerminan kebudayaan Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics* 3: 91–100.
- Mohd Firdaus Che Yaacob and Normaliza Abd Rahim. 2013. Citra nilai murni cerita rakyat di Malaysia dalam konteks dunia kanak-kanak. Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu VIII, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur. 13–14 November.
- Mohd Firdaus Che Yaacob. 2015. Seuntai nilai-nilai murni dalam himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia. Master's diss., Universiti Putra Malaysia.
- _____. 2018. Nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu penelitian pengkaedahan Melayu. PhD diss., Universiti Malaysia Kelantan.
- Mustafa Daud. 1991. *Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- _____. 1995. *Bahasa dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Normaliza Abd Rahim, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi and Awang Azman Awang Pawi. 2017. Dissemination of values through the e-folklore. *TOJET: The Turkish Online Journal of Education Technology* 16(1): 32–36.
- Siti Zuhaidah Zakeria and Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi. 2016. Kesenambungan warisan budaya masyarakat Melayu Pantai Timur dalam cerita rakyat untuk kanak-kanak. *Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman)* 4(1): 93–103.
- Swettenham, F. 2003. *Perihal orang Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tajul Ariffin Noordin and Nor'Aini Dan. 1992. *Pendidikan dan Wawasan 2020*. Kuala Lumpur: Arena Ilmu Sdn. Bhd.
- Wan Abdul Kadir. 2000. *Tradisi dan perubahan norma dan nilai di kalangan orang-orang Melayu*. Petaling Jaya: Masfami Enterprise.
- Wan Muhammad Aiman Wan Aziz. 2018. Cerminan pemikiran masyarakat Melayu yang terpilih dalam teks himpunan 366 cerita rakyat di Malaysia. 2015. Bachelor's diss., Universiti Malaysia Kelantan.